

<b>Headline</b>	<b>Perjelas kesan radiasi</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Date</b>	<b>30. Apr 2008</b>	<b>Page No</b>	<b>6</b>
<b>Media Title</b>	<b>Harian Metro</b>	<b>Article Size</b>	<b>231 cm<sup>2</sup></b>
<b>Section</b>	<b>Setempat</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Circulation</b>	<b>336603</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Readership</b>	<b>2192000</b>		



Susulan menara kanser

# Perjelas kesan radiasi

>>Oleh Siti Fatimah Hassan

KUALA LUMPUR: Penduduk berhak menerima penjelasan berhubung kaedah pengukuran termasuk aspek teknikal terhadap kajian yang dilakukan sebelum menara pemancar telekomunikasi dipasang di sekitar kawasan perumahan mereka.

Pensyarah dan penyelidik, Jabatan Fizik, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Zulkifly Abbas, berkata walaupun ada garis panduan ditetapkan Suruhanjaya Antarabangsa Perlindungan Radiasi Bukan Pengionan (IC-NIRP) yang perlu dipatuhi, prosedur dan cara pengukuran bagi membina menara pemancar di negara ini ma-

sih diragui.

"Ia perlu diperjelaskan secara terperinci terutama kepada penduduk yang akan menerima akibat daripada kesan radiasi berkenaan.

"Walaupun ada standard, kita masih tidak pasti sama ada menara pemancar itu benar-benar mengikut piawaian yang ditetapkan," katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas pendedahan Harian Metro

mengenai risiko tinggi penduduk diserang kanser dan pelbagai sakit kronik lain berikut tinggal berhampi-

ran menara pemancar telekomunikasi di Taman Sungai Kelana Jaya.

Pendedahan mengejutkan itu dibuat Prof Madya Dr Adina Suleiman dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), berdasarkan hasil kajian kesan radiasi menara pemancar telekomunikasi terhadap penduduk di taman perumahan berkenaan yang dilakukannya bersama 10 pelajar, baru-baru ini.

Beliau yang turut menghuni taman itu mengambil inisiatif membuat siasatan mengenai bahaya kesan radiasi gelombang elektromagnetik (EMR) dihasilkan me-

nara pemancar telekomunikasi sebelum melakukan kaji selidik dua minggu membaikkan 170 responden.

Selain itu, Dr Zulkifly berkata paras maksimum medan yang dibenarkan ICNIRP kepada pancaran radiasi EMR ialah berdasarkan nilai ketumpatan elektrik, ketumpatan magnet termasuk kadar serapan tentu (SAR).

"Secara umumnya, pendedahan terkini yang dinyatakan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ialah tiada kesan kesihatan berpunca daripada kesan radiasi medan EMR sekiranya menara pemancar telekomunikasi yang dibina

mengikut panduan ICNIRP. "Nilai ketumpatan elektrik, ketumpatan magnet, SAR mesti diukur mengikut prosedur untuk memastikan penduduk benar-benar berada di zon selamat.

"Penduduk pula mesti diberi nilai ukuran tepat, katedah pengukuran yang digunakan nilai ketidakpastian yang diukur, kejituuan bacaan, alat yang digunakan dengan lengkap," katanya.

Dr Zulkifly berkata, hanya pengukuran secara menyeluruh boleh menentukan punca sebenar radiasi sama ada disebabkan menara pemancar atau faktor lain.



IMBAS...laporan Harian Metro kelmarin.